

# GLC anaktirikan kontraktor Bumiputera

**S**AYA tertarik membaca kolom Datuk Rejal Arbee bertajuk 'Projek mega tak wajar korbankan peniaga Melayu' yang disiarkan dalam BH pada 5 Julai lalu.

Cadangan awal UDA Holdings Berhad dan MRT Corporation Berhad amat baik dan bijak dengan cubaan mahu 'menghalau secara terhormat' seramai 167 peniaga dengan majoritinya Bumiputera di situ, kononnya untuk memberi laluan kepada projek mega MRT.

Sesungguhnya amat menyedihkan dan memalukan buat keseluruhan masyarakat berstatus Bumiputera di bandar raya Kuala Lumpur ini. Selepas didesak bertubi-tubi hingga membawa campur ta-

ngan kerajaan (melalui Kementerian Kewangan), boleh pula difikirkan alternatif lain untuk mengelak daripada merobohkan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) itu.

Peneraju UDA Holdings sepatutnya lebih sensitif terhadap kedudukan peniaga Bumiputera masa kini yang amat terhad peluang dan ruang untuk berniaga.

Ini bukan kali pertama UDA Holdings 'tersilap' membuat perancangan serta pembangunan teliti, kerana secara tidak langsung ia ada kaitan dengan peniaga atau kontraktor Bumiputera.

Pada 5 Jun 2010, akhbar pernah menyiarkan artikel bertajuk 'Tidak ada semangat tolong Melayu', secara tidak

**“**  
*Peneraju UDA Holdings sepatutnya lebih sensitif terhadap kedudukan peniaga Bumiputera masa kini yang amat terhad peluang dan ruang untuk berniaga”*

langsung ada juga kaitan dengan isu cadangan merobohkan BB Plaza.

Sebagai salah seorang kontraktor dan pembekal Bumiputera, saya akui sukar mendapatkan sebarang projek atau kerja yang dikuasai syarikat bukan Melayu. Lebih malang pula apabila syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sendiri tidak membantu peniaga Melayu.

Adakah kontraktor dan peniaga Bumiputera tidak berusaha bagi merebut peluang yang ada atau ada pihak yang sengaja tidak mahu membantu mereka berjaya?

**Generasi Profesional,**  
Shah Alam,  
Selangor.